

EUROSAN PAIN RELIEF PLASTER

Menthol (6.0%w/w), Methyl Salicylate (6.9%w/w), Camphor (4.7%w/w).

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan EUROSAN
2. Bagaimana EUROSAN berfungsi
3. Sebelum mengambil EUROSAN
4. Cara menggunakan EUROSAN
5. Semasa menggunakan EUROSAN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan EUROSAN
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan EUROSAN

EUROSAN untuk melegakan sakit otot dan sendi.

Bagaimana EUROSAN berfungsi

EUROSAN mengandungi bahan aktif Menthol, Methyl Salicylate, Camphor. Menthol, apabila digunakan pada kulit, melancarkan saluran darah yang menyebabkan sensasi kesejukan diikuti dengan kesan analgesik. Diaplikasikan secara luaran, Methyl Salicylate digunakan untuk melegakan kesakitan pada gangguan muskuloskeletal, sendi dan tisu lembut. Camphor bertindak sebagai analgesik rubefacient dan ringan.

Sebelum mengambil EUROSAN

Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan EUROSAN jika

1. Anda mengambil warfarin, penggunaan secara berlebihan ke kulit untuk otot atau sakit sendi dapat meningkatkan peluang pendarahan.
2. Anda mempunyai kulit sensitif atau dermatitis.
3. Penggunaan secara terus ke dalam lubang hidung.

Sebelum mula mengambil

Semak dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Sekiranya anda alah kepada Methyl Salicylate, Methol, Camphor atau bahan-bahan lain dalam produk ini.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil warfarin.

Cara menggunakan EUROSAN

Berapa banyak harus digunakan

Sila gunakan produk ini satu hingga dua kali sehari.

Bila perlu digunakan

Gunakan untuk memberikan kelegaan kepada sakit otot dan sendi.

Berapa lama perlu digunakan

Penggunaan harus diteruskan apabila terdapat tanda-tanda sakit otot dan sendi.

Jika terlupa menggunakan

Gunakan produk ini dengan segera dan kemudian teruskan penggunaan macam biasa.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pesakit yang mengambil warfarin mungkin berisiko mengalami pendarahan jika diaplikasi secara berlebihan pada kulit.

Semasa menggunakan EUROSAN

Perkara yang perlu dilakukan

Pastikan tempat yang terjejas adalah bersih dan kering.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Produk ini tidak sewajarnya digunakan pada bayi and kanak-kanak di bawah umur 2 tahun dan dikontraindikasikan pada mereka yang menunjukkan hipersensitiviti terhadap sebarang komponen dalam formulasi ini.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kegunaan luaran sahaja. Jauhi daripada kanak-kanak.

Kesan-kesan Sampingan

Hentikan penggunaan jika ruam, kegatalan atau kemerahan berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: [Tel:03-78835490](tel:03-78835490), atau laman web www.npra.gov.my (Consumers -- > Reporting.)”

Cara penyimpanan dan pelupusan EUROSAN

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C

Simpan di tempat yang kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya.

Pelupusan

Lupuskan produk selepas tarikh luput.

Maklumat Lanjut

Rupa dan warna produk

EUROSAN adalah plaster fabrik putih bersegi empat tepat dilapisi dengan lapisan nipis koloid ubat.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan ramuan di dalam produk ini ialah Menthol, Methyl Salicylate, Camphor, Thymol, Borneol, Rubber Adhesive Solution, Polyisobutene, Zinc Oxide, Aliphatic Hydrocarbon Resin, Lanolin Anhydrous, Peppermint Oil, Clove Oil, and Oleoresin Capsicum.

Nombor MAL

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

THP Medical Sdn. Bhd

Lot PT 1281 (Plot 308), Jalan Perindustrian Bukit Minyak 18, Kawasan Perindustrian Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

03/09/2019

RiMUP Serial No.: